

SOALAN NO.: 33

Selaras dengan arahan perbelanjaan secara berhemah oleh pihak Kerajaan, Kementerian telah memastikan perbelanjaan setiap program/aktiviti yang dilaksanakan mengikut peruntukan yang telah ditetapkan dan menekankan kepada konsep "*value for money*".

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN NG WEI AIK
[TANJONG]**

TARIKH : 9 Oktober 2014 (Khamis)

SOALAN : 34

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada terdapat rancangan serta rasionalnya untuk membina sebuah lapangan terbang yang baru di negeri Kedah. Jikalau ia sebuah lapangan terbang yang bertaraf antarabangsa dengan adanya perkhidmatan kargo disediakan, apakah impak yang akan dibawa terhadap Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua, Kerajaan akan melaksanakan "*feasibility study*" yang komprehensif untuk mengenalpasti kesemua aspek impak kepada industri penerbangan diatas rancangan membina sebuah lapangan terbang yang baru di negeri Kedah termasuk impak kepada kargo di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas, Pulau Pinang.